



جَابِيْتِيْنَ قَالِيْبِيْنَ اَزِيْتِيْكَرِيْ قِيْلِيْ قِيْلِيْ

JABATAN PELAJARAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN
KOMPLEKS PENDIDIKAN, JALAN STADIUM
05604 ALOR SETAR
KEDAH DARUL AMAN
TELEFON - A.S. 04 733 1311 NO. FAX :



"KEDAH GEMILANG"

Bil.Kami: JPK(PSR)03-10/JLD.5(98)

Tarikh : 29 Ogos 2010

Semua Pegawai Pelajaran Daerah
Pejabat Pelajaran Daerah Negeri Kedah

Tuan,

**SEMAKAN DATA PENDAFTARAN KEMASUKAN MURID TAHUN SATU
UNTUK TUJUAN MENDUDUKI UJIAN KELONGGARAN SYARAT
KEMASUKAN AWAL KANAK-KANAK KE TAHUN SATU TAHUN 2011.**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.


2. Dimaklumkan bahawa kanak-kanak yang lahir pada 2 hingga 15 Januari 2005 adalah layak dipertimbangkan untuk menduduki Ujian Kelonggaran Syarat memasuki Tahun Satu pada Tahun 2011.
3. Sehubungan itu, pihak Jabatan Pelajaran Negeri Kedah memohon kerjasama dari pihak tuan untuk mengenal pasti kanak-kanak yang dilahirkan dalam lingkungan tarikh yang disebutkan di atas.
4. Untuk tujuan tersebut bersama ini dilampirkan borang PSR.KSKAK(DATA) untuk dipanjangkan kepada sekolah-sekolah di bawah pentadbiran tuan. Borang yang telah lengkap diisi oleh sekolah hendaklah dikembalikan ke Pejabat Pelajaran Daerah selewat-lewatnya pada 9 September 2010. Pihak Pejabat Pelajaran Daerah dipohon mengenal pasti sekolah yang mempunyai senarai kanak-kanak yang layak dipertimbangkan dan memanjangkan borang berkenaan kepada Jabatan Pelajaran Negeri Kedah (u.p: Unit Pengurusan Sekolah Rendah) selewat-lewatnya pada 20 September 2010.
5. Pihak tuan dikehendaki menyimpan borang dari sekolah-sekolah yang tidak mengandungi calon untuk tujuan rekod dan semakan.

Harap maklum.

Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH TERBILANG"

Saya yang menurut perintah,


(OTHMAN BIN AHMAD)
Penolong Pengarah Kanan
Unit Pengurusan Sekolah Rendah
b/p: Pengarah Pelajaran Negeri Kedah.

Nama Sekolah:

Alamat:

No. Telefon:

Nama Guru Besar :

Pejabat Pelajaran Daerah :

PSR.KSKAK(DATA)

SEMAKAN REKOD KELAHIRAN MURID BAGI KANAK-KANAK YANG DILAHIRKAN SEKITAR 02 – 15 JANUARI 2005 YANG BERDAFTAR DI SEKOLAH.
*Tandakan v dipetak yang berkenaan

Bil	Nama Murid	Tarikh Lahir	Berminat Menduduki Ujian Kemasukan Awal Kanak-Kanak Ke Sekolah Rendah (Merujuk kepada respon waris)			Tidak Berminat	Catatan
			*Memohon Menduduki Ujian	*Telah menduduki ujian	*Belum menduduki ujian		
1							
2							
3							
4							
5							
6							
7							
8							

Disahkan dan diakui bahawa segala maklumat di atas adalah tepat dan benar.

.....
(tandatangan dan cap guru besar)

Tarikh :

** Borang yang telah siap diisi hendaklah dikembalikan kepada PPD yang berkenaan.
*** Tuliskan TIADA sekiranya tidak ada murid yang dilahirkan pada tarikh berkenaan.